

Pertumbuhan 8% bukti kesungguhan kerajaan

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

PUTRAJAYA 6 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kejayaan Malaysia mencapai kadar pertumbuhan ekonomi lapan peratus pada suku kedua tahun ini iaitu prestasi terbaik dalam tempoh empat tahun, membuktikan kesungguhan kerajaan dan rakyat membangunkan negara.

Bagi mengekalkan dan meningkatkan prestasi itu, kata beliau, usaha yang mempunyai nilai tambah akan menjadi pendekatan paling penting dan diberi tumpuan lebih dalam aktiviti pembangunan negara selepas ini.

Pada masa yang sama, Abdullah berkata, kerajaan akan terus mengurus ekonomi negara dengan baik untuk memastikan defisit

belanjawan dapat dikurangkan secara beransur-ansur.

"Untuk mendapat nikmat yang lebih banyak, kita tidak boleh harap mukjizat atau keajaiban berlaku. Oleh itu kita perlu berusaha termasuk mengurus negara supaya defisit tidak menjadi lebih teruk," katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi suku tahun kedua sebanyak lapan peratus yang diumumkan baru-baru ini mengatasi kadar 7.6 peratus yang dicatatkan pada suku pertama tahun ini, yang juga merupakan antara prestasi tertinggi negara sejak 1998.

Dalam hal ini, Perdana Menteri mengajak rakyat mensyukuri kejayaan Malaysia

sepanjang tempoh 47 tahun mencapai kemerdekaan, yang membuktikan hasil kerjasama baik antara kerajaan dan sektor swasta membangunkan negara.

Beliau berkata, rakyat perlu berbangga kerana segala nikmat dan kesenangan yang mereka kecapi sekarang adalah jauh lebih banyak dan tinggi mutunya berbanding semasa negara di bawah pemerintahan British.

Abdullah mengimbas sewaktu baru merdeka, banyak pihak mempertikaikan kemampuan Malaysia untuk maju dan bertahan lama, malah meramalkan negara ini akan hancur akibat pergaduhan kaum dan kegagalan mengurus negara.

Namun kita buktikan sepanjang tempoh itu, boleh membangun dan meningkatkan kemajuan dari setapak ke setapak dan

mencapai pertumbuhan ekonomi yang adakalanya menakjubkan.

"Walaupun kadang-kadang tidak begitu tinggi (pertumbuhan), ia tetap baik dan rakyat dapat nikmat yang lebih baik, peluang-peluang lebih banyak dan bermutu untuk memajukan diri dalam bidang-bidang yang menjadi pilihan mereka," katanya.

Perdana Menteri mengimbas kesukaran yang dihadapi beliau untuk belajar pada zaman dulu kerana pada waktu itu bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa Inggeris, malah sekolah menengah terletak jauh dari kampungnya di Kepala Batas.

"Saya tinggal di Kepala Batas dan sekolah menengah yang paling dekat ialah di utara iaitu Sekolah Sultan Ibrahim di Sungai Petani, kira-kira 11 batu (15.4 kilome-

ter (km) jauhnya. Ke selatan, paling dekat ialah Sekolah Menengah Bukit Mertajam iaitu 13 batu (18.2 km) jauhnya.

"Ke Butterworth kira-kira Sembilan batu (12.6km) tetapi hendak ke Pulau Pinang kena naik feri, ambil masa lagi lama untuk sampai (ke sekolah)," katanya.

Beliau berkata, pada masa itu hanya ada tidak sampai 10 pelajar dari kampungnya yang berjaya ke sekolah menengah tetapi kini bilangan tersebut sudah meningkat lebih banyak daripada itu.

Perdana Menteri mengakui kemiskinan masih menjadi masalah kepada negara dan berjanji akan melipatgandakan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara.